



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (No.12557-W)

A Member Of The Pacific & Orient Group
Internet: www.pacific-orient.com / https://www.pno-ins.com



HEAD OFFICE

11th Floor Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, P.O.Box 10953, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia
Telephone: +603-2698 5033 Fax: +603-2693 8145 Toll Free: 1-800-88-2121

BRANCH

Johor Bahru

Suite 905, 9th Floor, Johor Tower, No.15 Jalan Gereja, 80100, Johor Bahru, Johor, Malaysia Tel: 07-222 2537 Fax: 07-224 5631

Melaka

No.2, Jalan PM7, Plaza Mahkota, Bandar Hilir, 75000 Melaka, Malaysia Tel: 06 -284 8298 Fax: 06-284 9619

Ipoh

75, Jalan Raja Ekram, 30450 Ipoh, Perak, Malaysia Tel: 05-255 0370 Fax: 05-253 2943

Penang

66, Jalan Zainal Abidin, 10400 Pulau Pinang Tel: 04-2278 355 Fax: 04-2278 343

Kuching

Lot 262, 1st Floor, Jalan Haji Taha, 93400 Kuching, Sarawak, Malaysia Tel: 082-239 019 Fax: 082-232 462

Kuantan

B-62, Lorong Tun Ismail 8, Sri Dagangan 2, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang Tel: 09-514 6332 Fax: 09-516 2858

Kota Kinabalu

Unit 10-1, (Lot 12) Block B, Inanam Business Centre, 88450 Inanam, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia Tel: 088-389 927 Fax: 088-387 927

BUSINESS CENTRES

Sungai Petani

No.85 Jalan 1A 1st & 2nd Floor, Pusat Perniagaan Pekan Lama 08000 Sungai Petani, Kedah. Tel: 04-423 1425 Fax:04-423 1260

Sungai Besi

165-3-1, Wisma Mutiara, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: 03-9223 0646 Fax: 03-9222 3914

EQUIPMENT INSURANCE POLICY / POLISI INSURANS PERALATAN

NOTICE / PEMBERITAHUAN

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

WHEREAS the Insured carrying on the Business described in the Schedule and no other for the purpose of this Insurance has made to the **PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD** (hereinafter called "the Company") a proposal which it is hereby agreed shall be the basis of this Contract and be considered as incorporated herein for the insurance hereinafter contained.

BAHAWASANYA Pemegang Insurans yang menjalankan Perniagaan yang diuraikan dalam Jadual dan bukan yang lain bagi tujuan Insurans ini telah membuat satu cadangan kepada PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") yang dengan ini dipersetujui menjadi asas bagi kontrak ini dan dianggap sebagai tergabung di dalamnya untuk Insurans yang terkandung seterusnya.

NOW THIS POLICY WITNESSETH that in respect of events occurring during the Period of Insurance stated in the Schedule or any subsequent Period for which the Insured shall pay and the Company shall agree to accept the Renewal Premium and subject to the terms, exclusions and conditions contained herein or endorsed (hereinafter collectively referred to as "the Terms of the Policy").

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa bagi kejadian-kejadian yang berlaku dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau sebarang Tempoh seterusnya untuk mana Pemegang Insurans membayar dan Syarikat bersetuju untuk menerima Premium Pembaharuan dan tertakluk kepada peraturan-peraturan, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau diendok kepada (seterusnya secara kolektif dirujuk sebagai Peraturan-Peraturan Polisi ini).

1. The Company will indemnify the Insured against loss of or damage to the Equipment specified in the Schedule and its accessories and parts whilst thereon by:-

Syarikat akan menanggung kerugian Pemegang Insurans terhadap kehilangan atau kerosakan kepada Peralatan yang dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan aksesori-aksesori dan alat-alat padanya yang disebabkan oleh:-

a) accidental collision or overturning or collision or overturning consequent upon mechanical break-down or consequent upon wear and tear.

pelanggaran atau terbalikan akibat kemalangan atau pelanggaran atau terbalikan akibat daripada kerosakan mekanikal atau akibat daripada kehausan dan kelusuhan;

b) fire external explosion self-ignition or lighting. / **Kebakaran, letupan luaran, pencucuhan sendiri atau petir;**

c) burglary housebreaking or theft. / **rompakan, pecah masuk atau kecurian;**

2. At its own option the Company may pay in cash the amount of the loss or damage or may repair, reinstate or replace the Equipment or any part thereof or its accessories or parts but the liability of the Company shall not exceed the value of the parts loss or damaged and the reasonable cost of fitting or repairing such parts.

Atas pilihannya sendiri, Syarikat boleh membayar secara tunai jumlah kerugian kehilangan atau kerosakan atau boleh memperbaiki, memulihkan atau menggantikan Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya atau aksesori atau alat-alatnya tetapi tanggungan Syarikat tidak melebihi nilai bahagian-bahagian yang hilang atau rosak dan kos yang berpatutan untuk memasang atau memperbaiki bahagian-bahagian tersebut.

3. If the Equipment is disabled by reason of loss or damage insured under this Policy the Company will bear the cost of not exceeding RM500.00 reasonable insured for its protection and removal to the nearest repairers and for its delivery within the country where the loss or damage was sustained.

Sekiranya Peralatan tidak dapat digunakan atas sebab kehilangan atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, Syarikat akan menanggung kos tidak melebihi RM500.00 yang sewajarnya ditanggung bagi perlindungan dan pemindahannya ke tempat pembaikan yang terdekat dan bagi penghantarannya dalam Negara di mana kehilangan atau kerosakan dialami.

PROVIDED ALWAYS THAT the maximum liability of the Company in respect of any item shall not in any case exceed the Sum Insured against such item and that the maximum liability of the Company shall not in any case exceed the Total Sum Insured.

DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL BAHAWA tanggungan maksimum Syarikat berkaitan dengan mana-mana peralatan dalam sebarang kes tidak melebihi Jumlah Yang Diinsuranskan terhadap peralatan tersebut dan bahawa tanggungan maksimum Syarikat dalam sebarang kes tidak melebihi Jumlah Besar Yang Diinsuranskan.

IMPORTANT

The Policyholder shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein or if the cover were not in accordance with the wishes of the Policyholder, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.



EXCEPTIONS / PENGECCUALIAN

The Company shall not be liable for:- / **Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap :-**

1. Any loss or damage sustained :- / **Sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami :-**
 - a) outside the Territorial Limit stated in the Schedule:- / **di luar Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual;**
 - b) whilst the Equipment is being used on a Road as defined in the Road Traffic Ordinance for the time being in force in the Territory stated in the Territorial Limit; / **semasa Peralatan digunakan di atas Jalan Raya seperti yang ditakrifkan dalam Ordinan Lalu Lintas Jalan Raya pada masa ia berkuatkuasa di Wilayah yang dinyatakan dalam Had Wilayah;**
 - c) whilst in transit (including the process of loading and unloading); / **semasa transit (termasuk proses muatan dan punggahan);**
 - d) whilst the Equipment is operated by any person other than an Authorised Operator as stated in the Schedule; **semasa Peralatan dikendalikan oleh mana-mana orang yang lain daripada Pengendali Yang Diberi Kuasa seperti yang dinyatakan dalam Jadual;**
 - e) whilst the Equipment is used otherwise than in accordance with the Limitations as to Use as stated in the Schedule; **semasa Peralatan digunakan dengan cara yang bukan menurut Had bagi Penggunaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual;**
 - f) whilst the Equipment is operated by an Authorised Operator who is under the influence of intoxicating liquor or drugs. **semasa Peralatan dikendalikan oleh seorang Pengendali Yang Diberi Kuasa yang berada di bawah pengaruh arak yang memabukkan atau dadah.**
 2. Any consequential loss or legal liability whatsoever. / **Sebarang bentuk kerugian yang berbangkit atau tanggungan dari segi undang-undang.**
 3. The amount in the Excess Clause as stated in the Schedule. / **Jumlah dalam Fasal Lebihan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.**
 4. a) Any loss or damage caused by or any latent or mechanical defect, mechanical derangement, mechanical or electrical failure, breakages, depreciation, atmospheric conditions or any other gradually operating cause. **sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau sebarang kecacatan mekanikal atau terpendam, gangguan mekanikal, kegagalan mekanika atau elektrik, kepecahan, penyusutan nilai, keadaan udara atau sebarang sebab pengendalian secara beransur-ansur;**
 - b) Mechanical or electrical breakdown or wear and tear. / **kerosakan mekanikal atau elektrik atau kehausan dan kelusuhan;**
 - c) Loss or damage caused by overloading or strain. / **kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh muatan berlebihan atau bebanan;**
 - d) Damage caused by explosion of any boiler forming part of or attached to or on the Equipment. / **kerosakan yang disebabkan oleh letupan mana-mana dandang yang membentuk sebahagian daripada atau terpasang kepada atau terdapat pada Peralatan.**
 5. Loss or damage caused by the wilful or dishonest act of the Insured's employees or of or with the connivance of the Insured or the dishonest act of any person to whom the Equipment is entrusted. / **kehilangan atau kerosakan yang disebabkan tindakan sengaja atau tidak jujur oleh kakitangan Pemegang Insurans atau secara bersubhat dengan Pemegang Insurans atau perbuatan tidak jujur oleh mana-mana orang yang diamankan menajaga Peralatan.**
 6. Loss of accessories and parts unless the Equipment is stolen at the same time. **kehilangan aksesori dan bahagian-bahagian melainkan Peralatan dicuri pada waktu yang sama.**
 7. Loss of or damage to:- / **kehilangan atau kerosakan kepada:-**
 - a) Tyre or wheels or tracks unless the Equipment is also damaged at the same time; **tayar atau roda atau tapak roda melainkan Peralatan juga rosak pada waktu yang sama;**
 - b) The canopy unless caused by or resulting from the overturning of the Equipment. **kanopi melainkan disebabkan oleh atau akibat daripada terbalikan Peralatan.**
 8. Loss or damage caused by or arising out of a contributed to by a traceable to earthquake, volcanic eruption, flood, typhoon, hurricane, landslip, subsidence or other convulsion of nature. **kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada atau antara lain disebabkan oleh atau dapat dikesan daripada gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, badai, taufan, tanah runtuh, penenggelaman atau gegaran alam lain.**
 9. a) Loss or damage directly or indirectly occasioned by or through or in consequence of:- **kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsungnya disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada:-**
 - i) War invasion act of foreign enemy hostilities or warlike operations (whether war be declared or not) / **peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak).**
 - ii) Civil war mutiny civil commotion assuming the proportions of or amounting to a popular rising military rising insurrection rebellion revolution conspiracy military or usurped power. / **perang saudara, pemberontakan tentera, kekacauan awam yang berlarutan hingga atau dianggap sebagai kebangkitan awam, kebangkitan tentera, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, konspirasi, kuasa tentera atau rampasan kuasa.**
 - iii) Martial law or state of siege or any of the events or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege. **pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang daripada peristiwa yang menyebabkan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan diisytiharkan atau dikekalkan.**
 - iv) Any act of any person acting on behalf of or in connection with any organisation with activities directed towards the overthrow by force of any de jure or de facto Government or to the influencing of it by terrorism or violence. / **sebarang perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang menjalankan kegiatan yang bertujuan untuk menggulingkan dengan kekerasan mana-mana Kerajaan yang wujud secara sah atau secara hakikatnya atau untuk mempengaruhinya melalui keganasan atau kekacauan.**
or looting or pilferage in connection with any of the aforementioned occurrences. **atau rompakan atau kecurian berkaitan dengan mana-mana kejadian yang tersebut di atas.**
 - b) any consequence of strike or riot. / **sebarang akibat daripada mogok atau rusuhan.**
 - c) delay, seizure, confiscation or detention by Government Authorities. / **kelewatan, penyitaan, rampasan atau penahanan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan.**
10. Loss or damage directly or indirectly caused by contributed to by or arising from:- **Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada:-**
 - a) Ionizing radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exclusion combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission. **Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.**
 - b) Nuclear weapons material. **Bahan-bahan senjata nuklear.**
11. Any sum which the Insured would have been entitled to recover from any party but for an agreement between the Insured and such party. **Sebarang jumlah yang berhak diperolehi semula oleh Pemegang Insurans daripada mana-mana pihak sekiranya tiada perjanjian antara Pemegang Insurans dan pihak sedemikian.**



CONDITIONS / SYARAT-SYARAT

1. This Policy and the Schedule shall be read together as one Contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.
Polisi, Jadual dan Syarat-Syaratnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual atau Syarat-Syaratnya hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.
2. Every notice or communication to be given or made under this Policy shall be delivered in writing to the Company.
Setiap notis atau komunikasi yang perlu diberikan atau dibuat di bawah Polisi ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Syarikat.
3. The Insured shall take all reasonable steps to safeguard the Equipment insured from loss or damage and to maintain it in efficient condition and the Company shall have at all times free and full access to examine the Equipment or any part thereof or any Operator or employee of the Insured. In the event of any accident which may give rise to a claim under this Policy the Equipment shall not be left unattended without proper precautions being taken to prevent further loss or damage and if the Equipment to be operated before necessary repairs are effected any extension of the damage or any other damage to the Equipment shall be excluded from the scope of the indemnity granted by this Policy.
Pemegang Insurans hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menjaga keselamatan dan mengelakkan kehilangan atau kerosakan Peralatan Yang Diinsuranskan dan untuk mengekalkannya dalam keadaan yang cekap dan Syarikat hendaklah sentiasa diberi kebebasan dan laluan penuh memeriksa Peralatan atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana pengendali atau pekerja Pemegang Insurans. Sekiranya berlaku sebarang kemalangan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Peralatan tidak boleh dibiarkan tidak dijaga tanpa pengambilan langkah-langkah yang betul untuk mengelakkan kehilangan atau kerosakan seterusnya dan jika Peralatan terpaksa digunakan sebelum pembaikan yang perlu dilakukan, sebarang kerosakan tambahan atau sebarang kerosakan selanjutnya terhadap Peralatan hendaklah dikecualikan daripada skop tanggungan kerugian yang diberikan oleh Polisi ini.
4. On the happening of any loss or damage which may give rise to a claim under this Policy the Insured shall immediately give notice thereof to the Company and shall within 14 days after the loss or damage or such further times as the Company may in writing allow in the behalf, deliver to the Company a detailed claim in writing for the loss or damage. No claim under this Policy shall be payable unless this condition has been complied with.
Sebaik sahaja berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, Pemegang Insurans hendaklah dengan serta-merta memberi notis mengenainya kepada Syarikat dan hendaklah dalam tempoh 14 hari selepas kehilangan atau kerosakan atau dalam tempoh selanjutnya yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Syarikat menyerahkan kepada Syarikat tuntutan terperinci secara bertulis bagi kehilangan dan kerosakan tersebut. Tuntutan di bawah polisi ini tidak akan dibayar melain syarat unu telah dipatuhi.
5. The Insured shall not incur any expense in making good any loss or damage without the written consent of the Company and shall not negotiate pay settle admit or repudiate any claim without the like consent.
Pemegang Insurans tidak boleh menanggung sebarang perbelanjaan untuk membaiki semula sebarang kerosakan atau kehilangan tanpa kebenaran bertulis Syarikat dan tidak boleh merundingkan, membayar, menjelaskan, mengaku atau menolak sebarang tuntutan tanpa kebenaran bertulis Syarikat.
6. The Company shall be entitled to undertake in the name and on the behalf of the Insured the absolute conduct control and settlement of any proceedings and to take proceedings as its own expense and for its own benefit but in the name of the Insured to recover compensation or secure indemnity from any third party in respect of anything covered by this Policy.
Syarikat berhak untuk mengambil alih atas nama dan bagi pihak Pemegang Insurans kuasa mutlak untuk menjalankan, mengawal, dan menyelesaikan sebarang prosiding dan mengambil tindakan atas perbelanjaan sendiri dan untuk faedahnya sendiri tetapi atas nama Pemegang Insurans untuk menuntut pampasan atau mendapatkan ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga terhadap apa-apa yang dilindungi oleh Polisi ini.
7. If any claim under this Policy shall be in any respect fraudulent or if any fraudulent means or devices are used by the Insured or anyone acting on his behalf to obtain any benefit under this Policy any benefit hereunder shall be forfeited.
Jika sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dalam sebarang hal adalah palsu atau jika sebarang kaedah atau cara penipuan digunakan oleh Pemegang Insurans atau sesispa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan sebarang faedah di bawah Polisi ini, semua faedah di bawahnya akan terbatal.
8. If at the time any claim arises under this Policy there is any other Insurance covering the same loss or damage the Company shall not be liable to pay or contribute more than its rateable proportion of any such loss or damage.
Jika pada masa timbul sebarang tuntutan di bawah Polisi ini terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kehilangan atau kerosakan yang sama, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kehilangan atau kerosakan tersebut.
9. If the Equipment insured by this Insurance shall at the time of any loss be of greater value than the Sum Insured hereby, then the Insured shall be considered as being this own insurer for the difference, and shall bear or rateable proportion of the loss accordingly. Every time, if more than one, of the Policy shall be separately subject to this Condition.
Jika nilai Peralatan yang diinsuranskan oleh Insurans ini pada masa berlaku sebarang kehilangan adalah lebih besar daripada Jumlah Yang Diinsuranskan, maka Pemegang Insurans hendaklah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya, dan hendaklah menanggung bahagian bersekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap barang, jika lebih daripada satu, yang disenaraikan dalam Polisi ini hendaklah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
10. The Company may cancel this Policy by sending fourteen day's notice by registered letter to the Insured at his last know address and in such event will return to the Insured the premium paid less the pro-rata portion thereof for the period the Policy has been in force or the Policy may be cancelled at any time by the Insured on even day's notice and (provided no claim has arisen during the current Period of Insurance) the Insured shall be entitled to a return of premium less premium at the Company's short period rates for the period the Policy has been in force.
Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis empat belas hari menerusi surat berdaftar kepada Pemegang Insurans ke alamat terakhirnya yang diketahui dan sekiranya ini berlaku Syarikat akan memulangkan kepada Pemegang Insurans premium yang dibayar setelah ditolak bahagian perkadaran bagi tempoh Polisi telah berkuatkuasa atau Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pemegang Insurans dengan memberikan notis tujuh hari (dengan syarat tiada tuntutan telah timbul sepanjang Tempoh Insurans semasa) dan Pemegang Insurans berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada kadar jangka pendek Syarikat bagi tempoh Polisi ini telah berkuatkuasa.

11. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after been required in writing so to do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making an award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaimer liability to the Insured or any claim hereunder and such claim shall not within twelve months from the date of such disclaim have been referred to arbitration under the previous herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk untuk diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan menguruskan mesyuarat mereka dan satu Keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Pemegang Insurans terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.

12. The due observance and fulfillment of the Terms and Endorsements of this Policy insofar as the relate to anything to be done or not to be done by the Insured and the truth of the statements and answers in the proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.

Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Pemegang Insurans dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi Peraturan-Peraturan dan Pengendorsan kepada Polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dan kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam cadangan.

IMPORTANT NOTICE / NOTICE PENTING

The attention of the Policyholder is draw to Conditions 2,4 and 5 of this Policy.

Pemegang Polisi diminta memberi perhatian kepada Syarat-Syarat 2,4 dan 5 Polisi ini.

By reasons of the Conditions referred above: / **Oleh sebab Syarat-Syarat yang dirujuk di atas:**

If the Policyholder or person driving the vehicle at the time of the accident :-

Sekiranya Pemegang Polisi atau orang sedang memandu kenderaan pada waktu kemalangan berlaku:-

1. a) fails to give prompt notice to the Company in writing of the occurrence of the accident;
gagal memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada Syarikat mengenal kemalangan yang berlaku;
- b) fails to inform the Company of any writ summons or other notice of impending claim.
gagal untuk memberitahu Syarikat mengenai sebarang writ, samun atau sebarang notis lain mengenai tuntutan yang akan dibuat.

OR / **ATAU**

Without prior advice to and receipt of written authority from the Company:-

Tanpa memberitahu dan menerima kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat:-

2. a) admits responsibility for the accident; / **mengakui tanggungjawab berhadap kemalangan tersebut;**
- b) makes any promise or offer or compensation of indemnity in respect thereof;
menjanjikan atau menawarkan sebarang pampasan sebagai mengganti kerugian berhubung dengannya;
- c) pay any sum by way of compensation or fine; / **membayar sebarang jumlah sebagai pampasan atau denda;**

The Policyholder shall not be entitled to any benefit under this Policy and the Company shall be entitled to be indemnified by the Policyholder to the extent of any sum paid by the Company by virtue of statue or otherwise.

Pemegang Polisi tidak berhak mendapat sebarang faedah di bawah Polisi ini dan Syarikat berhak menerima ganti rugi daripada Pemegang Polisi setakat sebarang jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat di bawah undang-undang atau selainnya.

PREMIUM WARRANTY

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the insurer within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate.

Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini.

If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the insurer shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk.

Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatic dan Syarikat Insurans berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko.

Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorized agent of the insurer, the payment shall be deemed to be received by the insurer for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person including an Insurance Agent, who was not authorized to receive such premium shall lie on the insurer.

Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat Insurans yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat Insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk Ejen Insurans, yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat Insurans.

IMPORTANT NOTICE (NOTIS PENTING)

Your attention is drawn to the 60 days premium warranty attached to the policy.

Sila rujuk kepada waranti premium 60 hari yang dilampirkan kepada polisi ini.

By this warranty, the insurance policy is automatically cancelled unless the full premium is paid to the insurer within 60 days from the commencement date of cover. Please note that if this insurance is transacted through your insurance broker, the broker is acting on your behalf for the purpose of formation of this contract of insurance. It is important that you make full payment of the premium to your broker as soon as possible and in any case within the 60 days period of the premium warranty so as to enable your broker to remit the premiums early to your insurer. You are advised to request your broker to furnish you with the broker's and insurer's receipt on the premium that you paid.

Menerusi waranti ini, polisi insurans ini terbatal secara automatic melainkan premium penuh dibayar kepada Syarikat Insurans dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan. Sila perhatikan bahawa sekiranya insurans ini diuruskan menerusi broker insurans anda, broker itu bertindak bagi pihak anda secepat mungkin dan dalam sebarang kes, dalam tempoh 60 hari waranti premium untuk membolehkan Broker anda meyerahkan segera premium kepada Syarikat Insurans anda. Anda dinasihatkan supaya meminta broker anda mengeluarkan resit broker dan Syarikat Insurans bagi premium yang telah anda bayar.

Disputes can be referred to Financial Mediation Bureau (FMB) Tel No : 03-2272 2811

Sebarang pertikaian boleh dirujuk kepada Biro Perantaraan Kewangan (BPK) di No Tel : 03-2272 2811